



JAMBATAN runtuh akibat banjir di Cameron Highlands, baru-baru ini menjejaskan urusan penduduk di kawasan tanah tinggi itu. - UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

Hujan lebat 3 jam punca banjir kilat

KUALA LUMPUR 31 Mei - Banjir kilat yang melanda Cameron Highlands, baru-baru ini berpunca daripada taburan hujan luar biasa yang mengakibatkan air dari Sungai Bertam melimpah dan menenggelami sebahagian besar kawasan tanah tinggi itu.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, banjir kilat itu adalah yang terburuk dalam tempoh 10 tahun dan mengakibatkan beberapa kawasan di Cameron Highlands ditenggelami air sehingga 0.3 meter.

Menurutnya, banjir kilat itu dipercayai disebabkan limpahan air sungai yang tidak boleh menampung hujan lebat berteru-

san selama tiga jam dan laporan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati taburan hujan sebanyak 92 milimeter (mm) telah dicatatkan dan dianggap yang terburuk.

Beliau juga tidak menolak kemungkinan kejadian yang sama akan berulang dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi sekiranya taburan hujan luar biasa yang sama berlaku lagi.

"Air sungai dari kawasan hulu yang banyak menyebabkan air sungai melimpah membawa sampah dan lumpur ke kawasan yang terlibat," katanya dalam sidang akhbar di mesyuarat agung tahunan Dewan Perlombongan Malaysia, di sini hari ini.